

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN LIANG TECK MENG**  
**KAWASAN : SIMPANG RENGAM**  
**TARIKH : 19.6.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 103**

**YB. TUAN LIANG TECK MENG** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan langkah dan perancangan yang diambil oleh pihak Kerajaan selepas Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 terlaksana.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Di Pertua,

1. Komuniti Ekonomi ASEAN (atau dengan izin, *ASEAN Economic Community – AEC*) merupakan program liberalisasi ekonomi untuk meningkatkan tahap saingan rantau ASEAN dan menjadikan ASEAN sebagai destinasi pelaburan dan pengeluaran antarabangsa yang menarik. Sehingga kini, AEC telah menyumbang ke arah tahap saingan ASEAN di peringkat global, peningkatan perdagangan dalam dan luar ASEAN, mewujudkan peluang pekerjaan dan merapatkan jurang pembangunan di kalangan negara-negara anggota ASEAN. AEC juga telah menyumbang ke arah meningkatkan pendapatan per kapita Malaysia khususnya dan rantau ini amnya.

2. Seperti semua sedia maklum, tahun 2015 akan menjadi tahun yang bermakna bagi Malaysia. Malaysia akan mengambil alih peranan Myanmar sebagai Pengerusi ASEAN pada tahun hadapan. Beberapa deklarasi penting dijangka akan diumumkan pada tahun hadapan antaranya deklarasi Pembentukan Komuniti ASEAN 2015, pembentukan ASEAN sebagai pasaran tunggal dan deklarasi mengenai hala tuju ASEAN untuk 10 tahun akan datang (iaitu 2016 – 2025).

3. Bagi menjamin ASEAN terus berketerangkuman dan berdaya saing, negara-negara anggota telah merangka matlamat hala tuju ASEAN selepas 2015. Satu Kumpulan Kerja Pasukan Tertinggi yang di pengurusikan oleh Malaysia telah diwujudkan bagi membangunkan visi ekonomi ASEAN Pasca 2015. Kumpulan Kerja ini akan memberi tumpuan kepada memperkukuhkan Pelan Tindakan AEC (dengan izin, '*AEC Blueprint*') yang sedia ada dan membangunkan unsur-unsur baru yang akan memperluas dan memperdalamkan integrasi ekonomi ASEAN dengan lebih menyeluruh.

4. Selain dari itu, penekanan akan diberikan kepada menangani langkah-langkah di luar sempadan (dengan izin '*beyond the border measures*') yang bertujuan untuk mendalamkan lagi integrasi ekonomi di rantau ini serta mengharmonisasikan peraturan – peraturan teknikal dan standard. Dalam hal ini, dua kajian telah dijalankan. Yang pertama, kajian mengenai, dengan izin, '*Moving ASEAN and AEC Beyond 2015*' yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi ASEAN dan Asia Timur (ERIA). Kajian kedua, yang telah dibiayai oleh Malaysia, Brunei dan Singapura mengenai, dengan izin, '*Vision Paper on the AEC*

*Beyond 2015'* telah dilaksanakan oleh Sekolah Pengajian Antarabangsa Rajaratnam (RSIS) dan Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS).

5. Kajian-kajian tersebut lebih tertumpu kepada agenda-agenda AEC yang belum selesai dan elemen-elemen baru yang difikirkan penting selaras dengan perkembangan ekonomi dunia yang sering berubah. Antara matlamat-matlamat yang digariskan di dalam penyelidikan ini adalah:

- i. mengukuhkan penyertaan negara-negara ASEAN dalam jaringan pengeluaran serantau dan global serta membekalkan rangkaian pengeluaran (dengan izin '*supply chain*') bagi meningkatkan pertumbuhan integrasi ekonomi;
- ii. menggalakan negara-negara ASEAN untuk beralih ke tahap pembangunan secara mampan saksama; dan
- iii. meningkatkan keutamaan ASEAN dalam kerangka serantau dan memperkukuhkan suara ASEAN di peringkat global.

6. Langkah-langkah ekonomi yang diambil pasca 2015 tertumpu kepada memelihara dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi ASEAN. Tambahan itu, ASEAN juga akan meningkatkan daya saing dengan menghapuskan lagi halangan-halangan kepada perdagangan dan pelaburan dan menerima pakai program integrasi ekonomi yang lebih bercita-cita tinggi untuk terus kekal sebagai salah satu kuasa ekonomi yang dinamik dan berkumpulan.

Tuan yang Di Pertua,

7. Pelaksanaan AEC 2015 bagi Malaysia adalah selaras dengan inisiatif Program Transformasi Ekonomi (dengan izin, '*Economic Transformation Programme*' - ETP). Melalui AEC negara akan mendapat manfaat dari segi peningkatan pelaburan dan perdagangan, peningkatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan mewujudkan peluang pekerjaan.

8. Dengan penduduk seramai 30 juta, pasaran Malaysia adalah agak terhad. Dengan wujudnya Komuniti Ekonomi ASEAN ini, peluang perniagaan adalah terbuka kepada 620 juta penduduk di pasaran ASEAN. AEC yang akan direalisasikan pada tahun 2015 tidak seharusnya dilihat sebagai satu cabaran kepada ahli-ahli perniagaan di Malaysia. Sebaliknya, ia perlu dilihat sebagai peluang yang terbuka luas dan ahli-ahli perniagaan Malaysia harus menyediakan diri untuk menikmati faedah daripada integrasi ekonomi ASEAN.